

22 FEB 2000

SYARIKAT-SEKITAR/I

SYARIKAT DIMINTA MASUKKAN LAPORAN ALAM SEKITAR DALAM LAPORAN TAHUNAN

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding menggesa syarikat-syarikat tempatan supaya memasukkan laporan mengenai alam sekitar di dalam penyata kewangan tahunan mereka.

"Saya ingin menggalakkan semua syarikat yang beroperasi di Malaysia supaya memajukan dan mempertingkatkan sistem perakaunan alam sekitar mereka dan mula memberikan laporan tahunan mengenai kesan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka ke atas alam sekitar," beliau berkata pada upacara penyampaian Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 1998/99 di sini hari ini.

Katanya adalah tidak terlalu awal bagi syarikat-syarikat mengiktiraf pelaporan alam sekitar sebagai trend alat pengurusan sedang muncul yang mungkin satu hari terbukti penting bagi syarikat itu.

Menurut Law, seperti juga laporan kewangan melalui penyata-penyata kewangan, pelaporan alam sekitar adalah pada asasnya penzahiran oleh syarikat mengenai maklumatnya berkaitan dengan alam sekitar.

"Bagi syarikat-syarikat berkenaan, maklumat seumpama itu akan membantu mereka membuat keputusan yang lebih baik mengenai kos kesan isu-isu alam sekitar mereka, dengan itu membolehkan mereka menggunakan pendekatan halangan tidak sebaliknya pendekatan pengubatan," kata beliau.

Bagaimanapun, tegas Law bahawa pelaporan alam sekitar adalah agak beru dan belum lagi ditafsir dengan baik.

"Pada ketika ini, tiada rancangan untuk memperundangkan isu ini dan menjadikannya wajib bagi syarikat-syarikat mendedahkan maklumat seumpamanya di dalam laporan tahunan mereka," katanya.

Pada persidangan akhbar kemudian, menteri itu mengumumkan bahawa beberapa syarikat, kebanyakannya perbadanan pelbagai negara (MNC), telah memperkenalkan unsur-unsur laporan alam sekitar di dalam laporna kewangan mereka.

"Terdapat sesetengah (syarikat) yang telahpun melakukannya, termasuk syarikat-syarikat tempatan seperti Golden Hope Plantations Bhd," Law mengumumkan.

Beliau menekankan hakikat bahawa pelaporan alam sekitar sememangnya merupakan trend sedang muncul, khususnya di peringkat antarabangsa, kerana syarikat-syarikat melaporkan kepada orang ramai mengenai dasar-dasar alam sekitar, matlamat dan program yang dilaksanakan oleh mereka.

"Pelabur-pelabur mahukan maklumat seumpamanya bagi melindungi diri mereka sendiri daripada kerugian tidak dijangka yang ditanggung oleh kos-kos alam sekitar yang akan membahayakan pelaburan mereka di dalam syarikat berkenaan," katanya.

Pengusaha-pengusaha bank juga memerlukan maklumat seumpamanya bagi menilai risiko kredit mereka, kata Law.

Di samping itu, katanya orang awam mahukan maklumat alam sekitar bagi membolehkan mereka menilai komitmen sosial yang dilaksanakan oleh syarikat itu.

Di Malaysia, Law berakta telahpun terdapat angin perubahan di kalangan orang ramai seluruhnya mengenai kesedaran dan pemuliharaan perlindungan alam sekitar.

"Saya suka mengingatkan satu kajian baru-baru ini yang menunjukkan bahawa 92 peratus daripada orang awam Malaysia adalah prihatin alam sekitar. Saya fikir ini adalah satu angka yang tinggi berbanding dengan keadaan di negara-negara lain," kata menteri itu.

Mengenai Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri, Fairchild Semiconductor (Malaysia) Sdn Bhd, sebuah syarikat semi-konduktor, telah memenangi anugerah di bawah pencapaian istimewa manakala 20 syarikat lain memenangi anugerah-anugerah di bawah pencapaian terpuji.

Law menyampaikan anugerah itu kepada para penerima.

Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri, pertama dilancarkan pada 1996, adalah anugerah alam sekitar perdana sektor swasta bagi perniagaan dan industri di Malaysia.

Anugerah itu, sebelum ini dikenali sebagai "Anugerah Bunga Raya", dinaik taraf kepada Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri, berikutan kelulusan daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jun 1998. -- BERNAMA

RIZ LPS OS